

**PERANAN POSTER SEBAGAI SATU
MEDIA KOMUNIKASI DALAM
MEMBENDUNG MASALAH SOSIAL**

oleh

KHALID BIN AMRAN

93068078

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM , SELANGOR .
SESSI 1996/97.**

Penghargaan

Syukur kehadiran illahi yang maha pemurah diatas limpah kurnianya sehingga membolehkan saya menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Grafik terutamanya *En. Fauzan* selaku penasihat diatas tunjuk ajar di dalam mencari arah dan tujuan penulisan, serta melayan segala karenah dan masalah yang timbul. Tak lupa juga kepada *Y.M Prof. Raja Zahabuddin Raja Yaacob* dan *ketua krusus Jabatan Grafik En. Mazlan* kerana turut memberi teguran didalam penyediaan tesis ini.

Kepada kedua orang tua saya yang amat dikasihi, ucapan "*berbanyak terima kasih*" sahaja tidak mencukupi berbanding segala pengorbanan yang telah dicurahkan. Kepada kesemua rakan taulan, selamat maju jaya diucapkan.

Akhir sekali, semoga tesis ini dapat membantu pihak-pihak berkenaan terutamanya mereka yang terlibat secara langsung didalam penghasilan poster berkaitan masalah sosial.

SINOPSIS

Pengkajian mengenai peranan poster sebagai satu media komunikasi dalam menyelesaikan masalah sosial, adalah satu kajian yang amat menarik, yang mana ia meliputi segala unsur-unsur persekitaran. Kesimpulan dari pengkajian ini didapati poster dapat dan mampu menjadi satu media yang dapat berkomunikasi kepada orang ramai kerana ada tujuan dan objektifnya amat berani dalam penyampaian mesej.

Poster-poster ini hanya dikatakan baik jika ia dapat bertutur dan menyampaikan mesej sejelas-jelasnya kepada umum, dimana setiap unsur yang ada pada permukaan poster itu, baik dari segi warna, susunan, slogan dan ilustrasinya mempunyai peranan-peranan penting serta tugas-tugas yang tersendiri didalam menjadikannya satu media komunikasi yang baik, ia haruslah ada fakta yang logik, jelas, kemas dan teguh.

Kemampuan poster untuk menjadi satu media komunikasi yang baik ia terpaksa bergantung kepada aspek sosial, ekonomi, politik dan budaya sesuatu masyarakat, aspek inilah yang dapat memberikan tenaga kepada penerimanya sebagai media untuk orang ramai. Penekanan dari segi psikologi begitu penting dalam pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap poster yang dihasilkan. Psikologi amat penting sekali kerana ia dapat membantu menarik minat masyarakat dan citarasa mereka dengan penggunaan warna, komposisi (Layout), objektif dan matlamat poster itu dihasilkan dan diterbitkan.

Daftar Kandungan

Muka Surat

0.1 Halaman Pemeriksa	
0.2 Penghargaan	ii
0.3 Sinopsis	iii
0.4 Isi Kandungan	iv
0.5 Senarai Sisipan	v
0.6 Senarai Gambar	vi
Bab 1	
1.0 Definisi Poster	1
1.1 Apa itu poster	2-4
1.2 Sejarah Ringkas Poster	5-6
1.3 Kategori Poster	7-8
1.4 Takrif Masalah Sosial	9-10
Bab 2	
2.0 Pengertian Komunikasi	11-13
2.1 Komunikasi Kaitannya Terhadap Poster	14
2.2 Poster Sebagai Alat Komunikasi	15-19
2.3 Kepentingan Eleman-Element Grafik pada poster	
2.3.1- Headlines	20-30
2.3.2- Typografi	31-32
2.3.3- Imej dan Simbol	33-34
2.3.4- Warna	35-38
2.4 Fungsi dan Kekuatannya	39-40
Bab 3	
3.0 Strategi	41-42
3.1 Kreatif Strategi	43-45
3.2 Kumpulan Sasaran	46-47
3.3 Penyampaian	48

(1.0) DEFINISI POSTER

Poster mengikut definisi yang telah diberikan dalam Kamus Dewan adalah : 'sejenis pelekat untuk mengiklan dan lain-lain sesuatu yang tertentu.'^{(1)*}

Sementara itu dari segi istilah pula, poster adalah satu media komunikasi yang diolahkan daripada tulisan, imej atau simbol yang membawa maksud arahan atau pun penerangan terhadap sesuatu bahan atau situasi

Oleh kerana definisi terhadap poster itu terlalu longgar sehingga tidak dapat menentukan dengan jelas samada sesuatu karya itu dapat di anggap poster ataupun tidak, maka panduan yang telah dihasilkan pada abad ke- 20 ini boleh digunakan untuk menentukan ciri-ciri sesuatu poster.

Panduan tersebut telah menggariskan empat ciri utama yang perlu dimiliki oleh sesuatu karya untuk dikenali sebagai Poster. ^{(2)*} Di antara keempat-empat ciri tersebut ialah :

- 1) Ia mestilah dihasilkan di atas helaian kertas yang berasingan (separate sheet) dan boleh ditampal pada dinding.
- 2) Ia perlulah dihasilkan dalam bilangan yang besar.
- 3) Ia juga perlulah dipamerkan untuk tatapan khalayak ramai.
- 4) Ia mengandungi mesej tertentu untuk disampaikan kepada masyarakat umum

Walaupun keempat-empat ciri ini, dapat di pertikaikan, namun perlulah ditekankan disini bahawa ia cuma dijadikan garis panduan sahaja untuk mengenalpasti sesuatu karya poster dan bukan syarat yang wajib di penuhi untuk diiktiraf sebagai poster .

(1) **Dr.Tengku Iskandar**, "Kamus Dewan", Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

(2) **Maurice Rikards**, 'Poster of Protest and Revolution', Adam and Dait, 1990.